

Dato' Kelana Putera, Undang
Luak Sungai Ujong

**DATO'-DATO' PENGHULU DAN DATO' KELANA
PUTERA UNDANG LUAK SUNGAI UJONG YANG
TELAH MENYANDANG PESAKA.**

- | | | |
|-----|--|-------------------|
| 1. | Dato' Kelambu
<i>(Muhammad Tumbu)</i> | |
| 2. | Dato' Musang | |
| 3. | Dato' Penghulu Selat | |
| 4. | Dato' Penghulu Kadim | |
| 5. | Dato' Penghulu Pandak. | |
| 6. | Dato' Penghulu Chantek
<i>(Penghulu Rumah Gadang)</i> | |
| 7. | Dato' Bador | 1760 - 1780 |
| | | Waris Hulu |
| 8. | Dato' Lela | 1780 - 1800 |
| | | Waris Hulu |
| 9. | Dato' Bahi | 1800 - 1830 |
| | | Waris Hilir |
| 10. | Dato' Kawal | 1830 - 1850 |
| | | Waris Hulu |
| 11. | Dato' Sendeng | 1850 - 1872 |
| | | Waris Hulu |
| 12. | Dato' Syed Abdul Rahman | 1872 - 1881 |
| | | Waris Hilir |
| 13. | Dato' Lela Setia Mohd Yusof | 1881 - 1889 |
| | | Waris Hilir |
| 14. | Dato' Maamor bin Kassim | 1889 - 1945 |
| | | Waris Hulu |
| 15. | Dato' Mohd Kassim bin Abdul Rashid. | 1946 - 1983 |
| | | Waris Hilir |
| 16. | Dato' Mubarak bin Thahak | 1994 - (sekarang) |
| | | Waris Hulu. |

1. DATO' KELAMBU

Dianggarkan menyandang pesaka pertengahan abad ke 17 sesuai dengan catatan Belanda mengenai lawatan Bendahara Sekudai ke Sungai Ujong dalam tahun 1644. Dalam sejarah bertulis di Johor, Bendahara Sekudai adalah bendahara Johor Tun Jenal bin Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) yang bergelar Bendahara Paduka Raja. Beliau menjadi menjadi bendahara dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (1623 - 1677).

Kuasa pemerintahan Johor terletak di tangan Bendahara Sekudai disebabkan Sultan Abdul Jalil bersemayam di Pulau Lingga. Dengan kebijaksanaannya Bendahara Sekudai telah membantu Belanda mengalahkan Portugis di Melaka dalam tahun 1641. Kerjasama Belanda dan Bendahara Sekudai ini membolehkan beliau mengukuhkan pengaruh di Sungai Ujong dalam lawatannya tahun 1644 ke luak berkenaan.

Dalam pertuturan lisan di Sungai Ujong seperti disebut dalam buku *Negeri Sembilan dan Sejarahnya* yang ditulis Abdul Samad Idris (Penerbitan Utusan Melayu berhad, Kuala Lumpur, 1968):

"... Bendahara Sekudai belayar dari Johor ke Melaka. Kemudian sampai di Kuala Linggi, mudik ke hulu hingga sampai ke Pangkalan Dian. Berkahwin dengan Batin Sibu Jaya, cucu kepada Batin Bercanggai Besi. Batin Sibu Jaya ini berasal dari Beranang, dibawa oleh bondanya anak Batin Bercanggai Besi lari hingga ke Gunung Berembun, di hulu Sungai Penar kemudian sampai ke tempay yang kemudiannya dinamakan Pangkalan Dian..."

Beliau bersama isterinya berpindah ke Seliau, kemudiannya terus ke Rahang. Bersama isterinya beliau mendapat empat orang anak iaitu Muhamad Tumbu, Tok Musang, Tok Semerga dan Tok Seri Mani. Apabila Bendahara Sekudai berpindah ke Pahang, beliau telah menetapkan anaknya Muhamad Tumbu menjadi penghulu bergelar Penghulu Menteri.

Catatan ini selaras dengan buku *Sejarah Melayu* yang menyebut gelaran bagi penghulu Sungai Ujong semasa pemerintahan kerajaan Melayu Melaka ialah Penghulu Menteri. Dalam sejarah Johor juga disebut Bendahara

Sekudai melarikan diri ke Pahang apabila dialahkan oleh angkatan Jambi dalam tahun 1673.

Sekalipun fakta sejarah di luak Sungai Ujong tidak mencatatkan tarikh yang tepat, tetapi berdasarkan faktor kedatangan Bendahara Sekudai ke luak berkenaan seperti dicatatkan oleh Belanda, adalah dipercayai Muhamad Tumbu atau dikenali juga Tok Kelambu mula menyandang pesaka Penghulu Menteri di luak Sungai Ujong pertengahan abad ke 17 itu.

Salasilah keturunan Tok Kelambu (Muhamad Tumbu) yang dicatatkan sebagai Undang Luak Sungai Ujong yang pertama mengikut terombo di luak Sungai Ujong seperti berikut:



Tok Kelambu membuat penempatan berhampiran anak air di kaki bukit dikenali Kuala Sungai Kelambu. Penempatan yang diteroka oleh oleh Tok Kelambu itu terletak kira-kira dua belas kilometer dari bandar Seremban sekarang menghala ke Bukit Tangga, jalan ke Jelebu. Disebabkan beliau meneroka di kawasan berkenaan penduduk-penduduk di situ memanggilnya *Tok Kelambu*. Beliau berkahwin dengan anak seorang Batin di perkampungan berkenaan bernama Tok Chumbu.

Tidak ada apa-apa peristiwa besar semasa Tok Kelambu menyandang pesaka Penghulu Menteri di luak Sungai Ujong disebabkan luak berkenaan

belumlah terbuka luas. Tetapi beliau telah memulakan penerokaan di Kampung Pantai yang menjadi pusat pemerintahan penghulu ketika itu. Bermula dengan penerokaan di sinilah Sungai Ujong semakin terbuka hingga ke Ampangan dan Rasah serta meliputi lembah Linggi.

Bagaimanapun apabila meninggal dunia Tok Kelambu telah dikebumikan di Dusun Nyiur, Rahang. Hingga sekarang masih terdapat kubur Tok Kelambu di Dusun Nyiur iaitu perkampungan awal beliau berpindah dari Seliau bersama keluarganya sebelum meneroka di Kampung Pantai itu.

2. DATO' MUSANG


Tempoh Dato' Musang menyandang pesaka Penghulu Menteri, Undang Luak Sungai Ujong dianggarkan sekitar penghujung abad ke 17. Beliau adalah adik Dato' Kelambu yang menggantikan abangnya apabila tokoh berkenaan meninggal dunia. Sebagai anak Bendahara Sekudai memang beliau dihormati oleh penduduk-penduduk di situ, hingga mereka bermuafakat melantik Dato' Musang menyandang pesaka Penghulu Menteri.


Beliau telah meneroka perkampungan Pantai terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Seremban sekarang. Dato' Musang mempunyai dua orang anak iaitu Dato' Selat (lelaki) dan Tok Mengkudu (perempuan). Dari keturunan Tok Mengkudu ini ditetapkan waris *Perut Hilir* (Kampung Gedang) bagi menyandang pesaka Undang Luak.

Bagi mengukuhkan tali persaudaraan, Dato' Musang telah berbisan dengan abangnya Dato' Kelambu. Anaknya Dato' Selat telah berkahwin dengan anak gadis Dato' Kelambu bernama Tok Dara Mudah (Mudik). Perkahwinan Dato' Selat dengan Tok Dara Mudah ini pula ditetapkan waris *Perut Hulu* bagi menyandang pesaka dalam pentadbiran adat di luak Sungai Ujong.

Sebelum ayahnya Bendahara Sekudai berpindah ke Pahang dikatakan pentadbiran luak Sungai Ujong telah disusunnya dengan melantik dua orang anaknya Tok Semerga (perempuan) bergelar Dato' Seri Maharaja (kemudainnya Dato' Raja) dan Tok Seri Mani (perempuan) bergelar Dato' Andulika Mandulika. Apabila Dato' Musang menyandang pesaka Penghulu Menteri, beliau meneruskan peraturan yang telah ditetapkan oleh ayahnya Bendahara Sekudai itu.

Salasilah keturunan waris *Perut Hulu* dan *Perut Hilir* dari jurai keturunan Dato' Musang ini ditetapkan:





Kalau berdasarkan sejarah Johor, Bendahara Sekudai berpindah ke Pahang dalam tahun 1673 setelah Johor dialahkan oleh Jambi. Tidak pula diketahui sama ada Dato' Kelambu atau adiknya Dato' Musang menyandang pesaka sebelum atau sesudah tahun 1673 itu. Dalam masa Dato' Musang menyandang pesaka juga tidak ada peristiwa besar berlaku.

Beliau dikatakan meneroka di Kampung Pantai sekarang. Perkampungan yang diterokainya itu berdekatan dengan Kuala Sungai Kelambu yang diteroka oleh abangnya. Dalam masa beliau menyandang pesaka Penghulu Menteri semua anak-anak dan anak-anak saudaranya menetap di Kampung Pantai. Di situdah menjadi telapak mereka dalam perkembangan luak Sungai Ujong seterusnya.

Sekalipun tidak disebut mengenai persempadanan luak Sungai Ujong dalam masa penerokaan di peringkat awal, tetapi dinyatakan bahawa di masa lalu Kajang, Rakoh, Semenyih dan Beranang adalah termasuk dalam luak Sungai Ujong. Disebabkan pertuturan lisan di Sungai Ujong banyak menyebut peranan yang dimainkan oleh Bendahara Sekudai, maka kedudukan Dato' Musang seolah-olah tenggelam di sebalik bayang-bayang ketokohan ayahnya.

Dato' Musang telah berkahwin dengan Tok Terumbu dipercayai orang Melayu di Kampung Pantai. Tidak seperti abangnya Dato' Kelambu yang berkahwin dengan perempuan keturunan Biduanda berhampiran kaki Bukit Tangga iaitu perkampungan yang diterokanya. Bagaimanapun perkahwinan anak lelaki Dato' Musang dengan anak perempuan abangnya inilah yang menetapkan jurai suku Biduanda bagi menyandang pesaka Undang Luak.

3. DATO' PENGHULU SELAT

Sama dengan luak-luak yang lain, penduduk di Sungai Ujong mengamalkan sistem pengganti penghulunya mengikut keturunan ayah. Ketika ini belum lagi diamalkan sistem dalam adat perpatih yang menetapkan giliran ketua seperti disebutkan di dalam pepatahnya: *Dari nenek turun ke mamak, dari mamak turun ke kemanakan, patah tumbuh hilang berganti, pesaka tetap begitu ju*.

Oleh itu apabila Dato' Penghulu Selat menyandang pesaka Penghulu Menteri, beliau adalah mengantikan ayahnya Dato' Penghulu Musang. Beliau berkahwin dengan sepupunya Dara Mudah (Mudik) binti Muhamad Tumbu. Dari keturunan beliau inilah ditetapkan waris *Perut Hulu* yang berhak menyandang pesaka Undang Luak hingga sekarang.

Dalam masa beliau menyandang pesaka telah timbul rasa tidak puas hati di kalangan anak-anak lelaki Penghulu Muhamad Tumbu, apabila mereka mengambil keputusan meninggalkan Kampung Pantai. Saudara yang tua kepada Darah Mudah bernama Mungkal telah meneroka Lenggeng, manakala adiknya Derani pula meneroka di Setul (kemudiannya dikenali Mantin).


Langkah dua beradik ini berpindah hingga meneroka perkampungan lain tidak pula diketahui sama ada mereka mahu mencari penempatan baru atau sebab-sebab tidak puas hati dengan kedudukan mereka. Bagaimanapun tidak lama kemudian Dara Mudah telah memujuk dua orang kakaknya balik semula menetap di Kampung Pantai.

Mungkal dan Derani menerima pelawaan adiknya menetap di Kampung Manggis setelah ditetapkan keturunannya berhak mewarisi pesaka Penghulu Menteri dari *Perut Hilir*. Keputusan mereka berdua balik semula ke Kampung Manggis di Pantai memperlihatkan peringkat awal tindakannya meneroka di luar Kampung Pantai adalah berkaitan dengan menentukan pengganti pesaka Penghulu Menteri/Undang Luak itu.

Dato' Selat dipercayai menyandang pesaka Undang Luak penghujung abad ke 17 atau awal abad ke 18. Ketika ini sepupunya Dato' Keling juga sudah menyandang pesaka Dato' Syahbandar (Dato' Bandar) sebagai *Waris Di Air* dalam pentadbiran adat di luak Sungai Ujong. Dato' Keling adalah

anak kepada Tok Semerga iaitu adik perempuan Penghulu Muhamad Tumbu yang menjadi Dato' Syahbandar pertama.

Salasilah Dato' Penghulu Selat yang dicatatkan dalam terombo di Sungai Ujong seperti berikut:



Catatan salasilah ini tidak tepat dengan tarikh Dato' Megat menyandang pesaka Dato' Syahbandar apabila beliau berkahwin dengan anak gadis Dato' Penghulu Selat. Apa lagi faktor Dato' Kawal menyandang pesaka Undang Luak dalam tahun 1830 kira-kira 100 tahun terkemudian daripada datuknya Penghulu Selat. Dato' Megat yang dikatakan berkahwin dengan anak gadis Dato' Selat pula merupakan Dato' Syahbandar yang kelapan, sedangkan Dato' Musang adalah sepupu kepada Dato' Keling yang menyandang pesaka Dato' Syahbandar pertama itu.

Apa lagi Dato' Megat menyandang pesaka setelah Raja Melewar menaiki takhta di Seri Menanti dalam tahun 1773, dan menjadi Dato' Syahbandar

dalam era Yamtuan Lenggang. Fakta tarikh ini berkemungkinan Tok Tepi yang berkahwin dengan Dato' Megat bukanlah anak gadis Dato' Selat, tetapi keturunan dari salasilah beliau sahaja. Malah pesaka Dato' Johan dari nisab Tok Bayu itu diwujudkan oleh Dato' Kelana Kawal dalam tahun 1831 bersamaan Tahun Hijrah 1200 mengikut catatan tangan Dato' Johan Razali bin Khalid bertarikh 21 Mac 1995.

Bagaimanapun Dato' Selat adalah pengasas kepada waris *Perut Huhu* yang telah ditetapkan dari keturunan beliau dan isterinya Dara Mudah. Kalau berdasarkan catatan yang menyebut sepupunya Dato' Keling menyandang pesaka Dato' Syahbandar sekitar tahun 1715 oleh Sultan Abdul Jalil (Bendahara Abdul Jalil), kemungkinan Dato' Selat menyandang pesaka Undang Luak juga dalam tempoh berkenaan.

Dato' Keling adalah anak kepada Tok Scmerga (adik perempuan Dato' Musang) yang berkahwin dengan Lebai Mamat seorang guru agama dari Achieh. Tarikh berkenaan adalah tepat dengan tempoh Dato' Selat menyandang pesaka berdasarkan mereka berdua adalah sama-sama cucu kepada Bendahara Sekudai.

4. DATO' PENGHULU KADIM

Tidak ada catatan mengenai Dato' Penghulu Kadim apabila beliau menyandang pesaka Penghulu Menteri. Adalah dipercayai beliau anak atau adik kepada Penghulu Selat berdasarkan tradisi pengganti kepada pembesar-pembesar Melayu ketika itu. Pemilihan pengganti berdasarkan nisab ibu ialah setelah kedatangan adat perpatih ke Negeri Sembilan atau selepas Raja Melewar menaiki takhta di Seri Menanti.

Disebabkan tidak ada catatan mengenai Dato' Penghulu Kadim, kemungkinan juga beliau tidak lama menyandang pesaka. Kemungkinan juga tidak berlaku sebarang peristiwa penting dalam masa pemerintahannya. Penerokaan penempatan baru juga tidaklah rancak seperti dalam masa Penghulu Selat.

Penghulu Kadim hanya dicatatkan sebagai Undang Luak yang keempat selepas Dato' Kelambu, Dato' Musang dan Dato' Selat. Dalam buku *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Abdul Samad Idris juga tidak mencatatkan mengenai peranan Penghulu Kadim. Dalam buku berkenaan hanya dicatatkan sedikit mengenai Penghulu Kadim seperti berikut:

"... Penghulu Sungai Ujong yang ketiga ialah Penghulu Selat, anak Tok Musang yang berkahwin dengan anak Dato' Kelambu. Selepas itu Sungai Ujong diperintah oleh Dato' Penghulu Kadim, Penghulu Pandak dan Penghulu Chabtek atau dipanggil Penghulu Rumah Gadang..."

Sebagai Penghulu Luak dalam masa kejatuhan kerajaan Melayu Johor, Penghulu Kadim tidak dapat memainkan peranan besar dalam pentadbiran di luaknya. Ketika ini pemerintahan Johor berpusat di Riau, apabila Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722 - 1760) merampas kuasa dari Raja Kecil dengan bantuan anak raja Bugis lima bersaudara yang diketuai oleh Daeng Merewah.

Disebabkan suasana pemerintahan di Johor yang tidak aman akibat gangguan penyokong-penyokong Raja Kechil, sekalipun raja berkenaan sudah melarikan diri ke Siak menyebabkan Sultan Sulaiman memindahkan pusat pentadbiran ke Riau. Raja Kecil sewaktu menakluki Johor dalam tahun

1718, telah mendakwa dirinya anak Sultan Mahmud Mangkat Dijulang yang dibunuhi dalam tahun 1699.

Raja Kechil mendakwa Bendahara Abdul Jalil terbabit dalam komplot membunuh ayahnya dan atas sebab-sebab inilah mengisyiharkan dirinya menaiki takhta bergelar Sultan Abdul Jalil. Apabila merampas kuasa dengan menakluki Johor tahun 1718, Raja Kechil menggelarkan dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah.

Disebabkan beliau keturunan Minangkabau, Raja Kechil telah mengukulkkan pengaruhnya di Rembau dan Nuning yang ramai didiami oleh peneroka-peneroka Minangkabau. Oleh itu selepas Raja Kechil diusir, orang-orang Bugis yang membantu Sultan Sulaiman telah menindas orang-orang Minangkabau dalam perdagangan terutama melalui Linggi. Huru hara yang dicetuskan oleh orang-orang Bugis ini, menyebabkan suasana di luak-luak yang didiami oleh orang Minangkabau sentiasa bergolak.

Dalam masa pergolakan inilah Penghulu Kadim menyandang pesaka Penghulu Luak di Sungai Ujong. Beliau juga mendirikan balainya di Kampung Pantai, kawasan yang jauh dari gangguan orang-orang Bugis yang menguasai perairan terutama di sepanjang Sungai Linggi. Sikap Penghulu Kadim tidak membabitkan diri dalam sebarang pergolakan menyebabkan tidak ada catatan mengenai era pemerintahan beliau.

5. DATO' PENGHULU PANDAK

Peranan Dato' Penghulu Pandak juga tidak banyak dicatatkan sama ada dalam pertuturan lisan mahu pun sejarah bertulis. Beliau dipercayai anak kepada Penghulu Kadim disebabkan tradisi perlantikan Penghulu Luak ketika ini berdasarkan nisab sebelah bapa, sama seperti pemerintahan raja-raja Melayu.

Tempoh pentadbiran Dato' Penghulu Pandak masih di dalam era kejatuhan kerajaan Melayu Johor sekitar dekad ketiga abad ke 18, apabila orang-orang Bugis menguasai pemerintahan di istana. Kedudukan Sultan Johor yang memindahkan pusat pemerintahan ke Riau tidak mempunyai peranan apa-apa disebabkan kuasa pentadbiran terletak di tangan Yamtuan Muda Riau yang dipegang oleh anak raja Bugis.

Dalam catatan lisan di Negeri Sembilan disebut mengenai huru hara yang dibangkitkan oleh perompak-perompak Bugis menyebabkan penghulu-penghulu luak bermuafakat menjemput anak raja dari Minangkabau sebagai pemerintah. Bagaimanapun fakta yang diandaikan dari peristiwa berkenaan ialah penindasan yang dilakukan oleh orang-orang Bugis terhadap orang-orang Minangkabau dalam perdagangan di perairan Linggi.

Orang-orang Bugis yang membantu Sultan Johor masih menyimpan prasangka terhadap orang-orang Minangkabau yang didakwa penyokong kuat Raja Kechil atas sebab-sebab sentimen keturunan. Dalam menghadapi gangguan dan penindasan orang-orang Bugis ini, Dato' Penghulu Pandak mengambil sikap yang sama seperti ayahnya Penghulu Kadim iaitu berkecuali dalam menghadapi ancaman orang-orang Bugis ini.

Gangguan orang-orang Bugis tidak membabitkan luak-luak di sebelah utara seperti Sungai Ujong atau pun Jelebu. Oleh itu Dato' Penghulu Pandak tidaklah menghadapi huru hara atau kekacauan di luak Sungai Ujong dalam masa pentadbirannya. Dalam era Dato' Penghulu Pandak juga tidak disebut mengenai penerokaan bagi penempatan baru di sekitar luak Sungai Ujong.